



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



Laporan Peperiksaan **STPM 2018**

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)



*Laporan Peperiksaan **STPM 2018***

*Kesusasteraan Melayu
Komunikatif (922)*



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
PETALING JAYA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188
Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com
e-mel: enquiry@sasbadi.com

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali
mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa
pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain
sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1297-3

KANDUNGAN

Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/1)	1 – 3
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/2)	4 – 6
Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922/3)	7 – 9

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 ini, sebanyak 5 744 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.40% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.72	6.02	10.20	11.61	12.64	6.13	12.08	10.55	8.91	3.67	7.45

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah akur dengan kata tugasannya; susunan fakta, huraian, dan contoh yang teratur; dan pecahan pendahuluan, isi, dan penutup yang jelas. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah kesalahan dalam memberikan fakta; mengabaikan hujahan dalam soalan bentuk perbincangan; dan kurang menguasai teks *Permata Sastera Melayu*. Soalan Bahagian A tentang puisi. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 2 yang berdasarkan sajak berjudul “Pertemuan di Hyde Park” berbanding dengan soalan 1 yang berkaitan dengan mantera berjudul “Mantera Ulit Mayang.” Soalan Bahagian B pula tentang prosa tradisional. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk menjawab soalan 4 yang berdasarkan karya ketatanegaraan, iaitu “Taj Us-Salatin” berbanding dengan soalan 3 yang berdasarkan karya keagamaan, iaitu “Inilah Hikayat Peri Menyatakan Nabi Wafat.” Soalan Bahagian C tentang puisi moden. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk menjawab soalan 6 yang berdasarkan drama “Asiah Samiah” berbanding dengan soalan 5 yang berdasarkan cerpen “Di Sebalik Sirat Makna.”

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Puisi

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan unsur gaya bahasa dalam mantera. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep unsur gaya bahasa puisi tradisional. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua daripada tiga fakta tentang unsur gaya bahasa dalam mantera dengan tepatnya. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan, termasuklah anafora, responsi, asonansi, aliterasi, rima akhir, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan aspek pemikiran dalam mantera. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pemikiran dalam puisi tradisional. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua daripada empat fakta tentang aspek pemikiran dalam mantera dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, ada segelintir calon yang cenderung mengemukakan jawapan umum daripada konteks budaya dan agama, dan bukannya menjurus kepada konteks sastera. Selain

itu, ada jawapan calon yang tidak disertakan dengan contoh dan jawapan sebegini telah menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Antara jawapan yang sepatutnya dibincangkan, termasuklah percaya kepada makhluk halus, percaya kepada unsur alam, tahu akan asal-usul makhluk halus, berpengetahuan tentang gangguan semangat, dan sebagainya.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan kesan gaya bahasa dalam sajak yang berjudul “Pertemuan di Hyde Park” karya Adi Badiozaman Tuah. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kesan gaya bahasa dalam puisi moden. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada tiga fakta tentang gaya bahasa dalam sajak dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, jawapan tentang kesan daripada penggunaan gaya bahasa dalam sajak yang dikemukakan oleh calon adalah sederhana. Selain itu, ada jawapan calon yang tidak dikaitkan dengan kesan dan jawapan sebegini telah menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Antara jawapan yang sepatutnya dijelaskan, termasuklah simile, metafora, anafora, asonansi, aliterasi, dan sebagainya yang penggunaannya dapat menimbulkan kesan kemerduan irama, mengerakkan imaginasi pembaca, menyerlahkan kehalusan perasaan, mengundangkan gerak emosi, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan persoalan yang ingin dikemukakan oleh penyair dalam sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep persoalan dalam puisi moden. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada empat fakta tentang persoalan dalam sajak dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, ada jawapan calon yang tidak disertakan dengan contoh dan jawapan sebegini telah menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Antara jawapan yang sepatutnya dibincangkan termasuklah, kegigihan, tanggungjawab, amanah, kasih-sayang, dan sebagainya.

BAHAGIAN B: *Prosa Tradisional*

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon mengalurkan kejadian yang berlaku ke atas Rasulullah SAW sebelum baginda wafat berdasarkan cerita “Inilah Hikayat Peri Menyatakan Nabi Wafat” seperti yang termuat dalam *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kejadian atau peristiwa yang berlaku dan kata tugasan soalan “galurkan”. Kebanyakan jawapan calon menunjukkan bahawa mereka tidak tahu apa yang perlu dinyatakan dalam jawapan. Selain itu, didapati jawapan calon juga bercampur aduk tentang kejadian yang berlaku ke atas Rasulullah dan tidak disusun secara urutan atau kronologi. Huraian dan contoh yang dikemukakan juga bersifat sinopsis cerita sehingga menjelaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang diperoleh mereka. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon mengemukakan isi yang disusun secara kronologi. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan, termasuklah Rasulullah SAW didatangi malaikat, Rasulullah SAW pergi ke masjid, tuntutan Rasulullah SAW, Rasulullah SAW bersiap sedia untuk wafat, dan sebagainya. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan syarat yang harus dipelihara oleh pegawai raja berdasarkan petikan “Taj Us-Salatin”. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep syarat yang harus dipelihara. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada lima fakta tentang syarat yang harus dipelihara oleh pegawai raja dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, ada calon cenderung menyalin petikan yang diberikan dan tidak membina ayat sendiri. Selain itu, ada segelintir

calon yang tidak memahami perkataan yang digunakan dalam petikan sehingga mencampuradukkan penggunaan bahasa tradisional dengan moden sehingga kelancaran susunan ayat yang dibina terjejas. Ada juga calon yang menerangkan isi tentang raja semata-mata, sedangkan sepatutnya pegawai raja yang diterangkan. Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu. Seterusnya, calon menerangkan isi yang menjurus kepada syarat yang harus dipelihara. Antara jawapan yang sepatutnya diberikan, termasuklah pegawai raja hendaklah mengutamakan Allah, menghargai kurnia raja, memeliha maruah raja, menjaga tutur kata di hadapan raja, dan takut kepada Allah. Akhir sekali, calon dikehendaki mengemukakan penutup bagi jawapan tersebut.

BAHAGIAN C: Prosa Moden

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan unsur negatif yang terdapat dalam petikan cerpen “Di Sebalik Sirat Makna”. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep unsur negatif. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada tiga fakta tentang unsur negatif dengan tepatnya. Petikan yang diberikan itu menjurus kepada unsur negatif yang ada pada Cikgu Ibau. Walau bagaimanapun, ada calon yang mengemukakan unsur positif yang ada pada Cikgu Naszkar. Antara jawapan yang sepatutnya dijelaskan termasuklah, berprasangka buruk, berdendam, tidak mahu mengalah, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan konflik yang berlaku antara Cikgu Naszkar dengan Cikgu Ibau dalam cerpen “Di Sebalik Sirat Makna”. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep konflik. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta tentang konflik yang berlaku dengan tepatnya. Selain itu, ada calon yang mengemukakan fakta yang menjurus kepada peristiwa imbas kembali dan ada yang memberikan fakta bukan bersifat konflik, termasuklah membabitkan peranan watak-watak lain yang tidak berkaitan dengan konflik. Antara jawapan yang sepatutnya dihuraikan, termasuklah konflik guru dengan bekas pelajar, kedudukan atau jawatan, perbezaan pandangan dalam membuat keputusan, dan sebagainya.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan pendirian “bapaku” tentang rumah dan tanah yang didiaminya berdasarkan petikan dalam drama “Asiah Samiah”. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendirian. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada tiga fakta tentang pendirian dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, ada segelintir calon yang cenderung menghuraikan watak Anas Samanda, dan sepatutnya calon menghuraikan watak bapa Anas Samanda. Antara jawapan yang sepatutnya dihuraikan, termasuklah mempertahankan hak, menolak wang pampasan, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kepincangan hidup masyarakat yang terdapat dalam drama “Asiah Samiah”. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kepincangan hidup masyarakat. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua daripada empat fakta tentang kepincangan dengan tepatnya. Walau bagaimanapun, ada segelintir calon cenderung memuatkan isi jawapan yang bukan bersifat kepincangan, seperti kasih sayang, setia dalam percintaan, bertanggungjawab, dan sebagainya. Jawapan sebegini menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Antara jawapan yang sepatutnya dijelaskan, termasuklah bersikap angkuh, mementingkan darjah dan keturunan, bersikap materialistik, bersikap membazir, mementingkan diri, kahwin paksa, dan sebagainya.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 ini, sebanyak 5 609 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 41.58% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.46	2.25	5.56	3.67	7.33	9.36	9.95	10.61	7.68	10.23	29.90

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah ketepatan dalam fakta, huraihan, dan contoh; dan berupaya mengaitkan huraihan dengan konteks pembangunan, sama ada pembangunan insan, masyarakat, atau negara. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah fakta, huraihan, dan contoh yang bercampur aduk atau tidak berstruktur; mengabaikan hubung kait konteks pembangunan, sama ada pembangunan insan, masyarakat, atau negara; dan tidak menguasai teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan Bahagian A meliputi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan insan yang menjurus kepada kedudukan watak sebagai individu. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 2 yang berkaitan dengan jati diri watak Rahim dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* berbanding dengan soalan 1 yang berkaitan dengan jati diri Tun Fatimah berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan Bahagian B melibatkan kajian teks sastera dalam konteks pembangunan masyarakat yang menzhirikan kedudukan watak sebagai anggota masyarakat. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 3 yang berkaitan dengan aspek pendidikan dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* berbanding dengan soalan 4 yang berkaitan dengan aspek budaya dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan Bahagian C pula merangkumi kajian teks sastera dalam konteks pembangunan negara yang menyerlahkan kedudukan watak sebagai warganegara. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 5 yang berkaitan dengan kepemimpinan dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* berbanding dengan soalan 6 tentang peraturan dan undang-undang berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Pembangunan Insan

Soalan 1

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan jati diri yang diperlihatkan oleh Tun Fatimah dalam konteks pembangunan insan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep jati diri. Kebanyakan calon mengemukakan

jawapan yang umum. Didapati calon menghuraikan watak atau perwatakan dan bukannya jati diri Tun Fatimah. Contoh perlakuan atau peristiwa yang melibatkan Tun Fatimah yang dikemukakan calon juga bersifat umum yang sepatutnya bersifat khusus. Ada calon yang tidak dapat mengaitkan jati diri dengan pembangunan insan. Ada calon yang mengaitkan pembangunan insan dengan kesan yang diterima oleh insan lain. Sepatutnya, kesan jati diri adalah terhadap insan yang memiliki jati diri tersebut dan bukannya kepada insan lain. Calon sepatutnya mengemukakan konsep jati diri, latar belakang Tun Fatimah, dan isi penting yang akan dihuraikan pada bahagian pendahuluan. Manakala dalam bahagian isi, calon sepatutnya menghuraikan jati diri Tun Fatimah, seperti sabar, berpandangan jauh, setia, tegas, akur, dan sebagainya. Huraian dan contoh yang dikemukakan calon hendaklah dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 2

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan bahawa jati diri merupakan asas untuk pembangunan insan berdasarkan watak Rahim. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep jati diri. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baiknya. Walau bagaimanapun, didapati ada calon mengemukakan huraian kepada watak atau perwatakan Rahim yang tidak dikaitkan dengan pembangunan insan secara jelas. Calon sepatutnya mengemukakan konsep jati diri, latar belakang Rahim, dan isi penting yang akan dijelaskan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan jati diri Rahim, seperti patriotik, amanah, berilmu, berfikiran terbuka, prihatin, berani, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN B: Pembangunan Masyarakat

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pernyataan bahawa pendidikan merupakan faktor yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat Melaka. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendidikan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baiknya. Didapati fakta yang dikemukakan calon tidak tepat dan bertentangan dengan konsep pendidikan. Huraian dan contoh yang dikemukakan calon bersifat umum dan tidak jelas. Ada calon yang menjurus kepada sinopsis teks. Ada calon yang menjelaskan kepentingan ilmu. Calon juga didapati tidak dapat mengaitkan pendidikan dalam konteks pembangunan masyarakat. Jawapan sebegini menjejaskan markah yang diperoleh calon. Calon sepatutnya menjelaskan pendidikan atas solat, tasawuf, mengaji al-Quran, menadah kitab, ilmu binatang, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan pendidikan yang dikemukakan dalam soalan (a) dalam konteks masyarakat hari ini. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baiknya. Didapati calon tidak dapat membezakan konsep pendidikan berdasarkan konteks masyarakat dalam teks dan luar teks. Didapati ada calon yang menggunakan kata “seseorang” dalam jawapan. Hal ini lebih menjurus kepada konteks pembangunan insan dan tidak bertepatan dengan konteks pembangunan masyarakat. Ada calon yang mengemukakan contoh yang tidak dikaitkan dengan pendidikan tetapi dikaitkan dengan kepentingan ilmu. Contoh terkini tidak dipaparkan bagi menyokong jawapan. Calon sepatutnya menghuraikan pendidikan dengan mengaitkannya berdasarkan konteks pembangunan masyarakat kini.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pernyataan bahawa budaya mencerminkan ketamadunan sesebuah masyarakat berdasarkan masyarakat istana Melaka. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep budaya. Soalan ini juga memerlukan pengetahuan mendalam calon tentang budaya yang khusus bagi masyarakat istana. Kebanyakan calon mengemukakan jawapan yang umum dan tidak tepat. Didapati calon menghuraikan budaya masyarakat bukan berdasarkan masyarakat istana Melaka. Jawapan calon tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak menguasai teks dengan baiknya. Huraian kepada fakta bukan sahaja tidak jelas, malah menjurus kepada sinopsis teks. Calon juga didapati tidak mengaitkan budaya masyarakat istana Melaka dalam konteks pembangunan masyarakat. Calon sepatutnya mengemukakan konsep budaya dan isi penting yang akan dijelaskan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan stratifikasi sosial, alat kebesaran, mengarik surat, aturan menghadap raja, mengarik sejадah ke masjid, berpakaian, berbahasa, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN C: Pembangunan Negara

Soalan 5

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepemimpinan Encik Muhammad dan Yang Berhormat Muhd Yusuf yang wajar dicontohi berdasarkan pernyataan bahawa kepemimpinan menjadi tonggak kepada pembangunan negara. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kepemimpinan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta tentang kepemimpinan berdasarkan watak Encik Muhammad dan Yang Berhormat Muhd Yusuf dengan baiknya. Didapati calon dapat mengaitkan kepemimpinan kedua-dua watak dengan pembangunan negara. Contoh yang diperturunkan calon berupaya menyokong fakta dan huraian. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang tidak mengaitkan kepemimpinan dengan pembangunan negara. Ada calon yang menghuraikan watak dan perwatakan Encik Muhammad dan Yang Berhormat Muhd Yusuf. Ada calon yang mengemukakan huraian dan contoh yang umum, berulang-ulang, dan tidak tepat. Calon sepatutnya mengemukakan konsep kepemimpinan dan isi penting yang akan dijelaskan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menghuraikan watak dan perwatakan Encik Muhammad dan Yang Berhormat Muhd Yusuf yang berkebolehan, berwawasan, berprinsip, berketerampilan, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah dikaitkan dengan pembangunan negara. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 6

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan peraturan dan undang-undang dalam konteks pembangunan negara. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep peraturan dan undang-undang. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baiknya. Didapati calon berupaya menghuraikan kepentingan peraturan dan undang-undang dalam konteks pembangunan negara. Contoh yang diperturunkan calon adalah baik dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan fakta. Walau bagaimanapun, ada calon yang menghuraikan watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel. Calon sepatutnya mengemukakan konsep peraturan dan undang-undang serta isi penting yang akan dihuraikan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menghuraikan fakta tentang menegakkan keadilan, mempertahankan kedaulatan undang-undang, menjaga ketenteraman awam, menjaga hak kebebasan rakyat, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah dikaitkan dengan pembangunan negara. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF (922/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 ini, sebanyak 5 545 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.35% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.48	4.82	4.60	5.26	13.13	12.64	9.42	9.18	8.96	5.21	12.30

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah akur dengan kata tugas soalan; pendahuluan, isi, dan penutup digarap dengan baiknya; fakta, huraian, dan contoh yang tersusun; dan ciri-ciri penghasilan karya kreatif dipatuhi. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah contoh yang diberikan tidak tepat; ciri-ciri syair diabaikan dalam penghasilannya; aspek pemikiran dan gaya bahasa dalam cerpen tidak tergambar dengan baiknya; dan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* tidak dikuasai. Soalan Bahagian A tentang penulisan kreatif. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung memilih untuk menjawab soalan 1 yang berkaitan dengan syair berbanding dengan soalan 2 yang berkaitan dengan cerpen. Soalan Bahagian B pula tentang pengurusan. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk menjawab soalan 4 yang berkaitan dengan perancangan dalam organisasi sastera berbanding dengan soalan 3 yang berkaitan dengan perancangan berdasarkan teks kajian. Soalan Bahagian C tentang multimedia dalam sastera. Dalam bahagian tersebut, kebanyakan calon cenderung untuk menjawab soalan 6 yang berkaitan dengan penghasilan papan cerita berbanding dengan soalan 5 tentang fungsi papan cerita.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Penulisan Kreatif

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan lima bait syair yang mengisahkan rakan sekolah. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang bentuk dan ciri-ciri syair. Kebanyakan calon tidak dapat mengarang syair dengan baiknya. Didapati syair yang berhasil menampilkan gaya bahasa yang terhad. Aspek kreativiti juga kelihatan terbatas. Ada calon yang tidak menguasai ciri-ciri syair malah meniru ciri-ciri pantun yang ada pembayang dan maksud. Ada juga calon yang menghasilkan sajak. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang dapat menghasilkan syair yang baik disebabkan mereka menepati bentuk dan ciri-ciri puisi tersebut. Syair yang berhasil juga digubah dengan gaya bahasa yang indah. Calon sepatutnya menghasilkan syair yang mematuhi ciri-ciri yang signifikan, terutamanya rima akhir. Ciri-ciri lain yang sepatutnya diambil kira, termasuklah jumlah baris dalam bait, bilangan perkataan, bilangan suku kata, setiap bait ada maksud, dan antara bait ada pertautan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah cerpen yang bertemakan budaya setempat. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang tema budaya setempat. Kebanyakan calon tidak dapat menulis cerpen dengan baiknya. Didapati calon tidak dapat menyerlahkan tema budaya setempat secara mendalam dalam hasil cerpen mereka. Hal ini disebabkan calon kurang memahami konsep budaya setempat. Ada calon yang melihat budaya setempat dengan konotasi negatif. Hal ini menyebabkan ada hasil cerpen mereka memaparkan budaya atau perbuatan negatif, seperti budaya samseng dan budaya merempit. Ada calon yang menulis esei bukan cerpen. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang berupaya menghasilkan cerpen yang baik. Hal ini disebabkan hasil cerpen mereka menepati tema. Calon sepatutnya menghasilkan cerpen yang mematuhi aspek tema. Aspek lain yang sepatutnya diambil kira, termasuklah persoalan, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan, teknik, latar, dan gaya bahasa.

BAHAGIAN B: Pengurusan

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perancangan Encik Muhammad untuk mengusahakan perlombongan di Lembah Tualang berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang prinsip asas pengurusan, iaitu perancangan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan fakta dengan tepatnya. Didapati calon mengemukakan semua prinsip asas pengurusan sebagai fakta sedangkan kehendak soalan menjurus kepada satu prinsip asas pengurusan. Ada calon yang membuat huraian semata-mata terhadap fakta tanpa sebarang bentuk perbincangan. Hal ini menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Walau bagaimanapun, didapati ada juga calon yang dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh yang sesuai. Calon sepatutnya mengemukakan konsep perancangan, latar belakang Encik Muhammad, dan isi penting yang akan dibincangkan pada bahagian pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan fakta tentang menentukan matlamat, merancang kaedah atau strategi, aktiviti fizikal, aktiviti mental, pelaksana, bagaimana melaksanakan, menghasilkan pelbagai alternatif, menilai keberkesanan alternatif, memilih satu alternatif paling berkesan, dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah berkisar tentang Encik Muhammad dalam novel tersebut. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perancangan yang perlu dibuat untuk menjayakan pertandingan deklamasi sajak sempena bulan bahasa dan sastera peringkat sekolah. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang prinsip asas pengurusan, iaitu perancangan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian perbincangan, dan contoh dengan tepatnya. Didapati calon juga dapat mengemukakan pendahuluan dengan baiknya. Walau bagaimanapun, didapati ada calon mengemukakan sekurang-kurangnya dua atau tiga fakta daripada lima fakta tentang perancangan. Ada calon yang mengemukakan fakta tentang prinsip asas pengurusan tanpa mengaitkannya dengan perancangan. Contoh yang diberikan calon juga umum. Calon sepatutnya mengemukakan konsep perancangan, latar belakang pertandingan, dan isi penting yang akan dibincangkan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya membincangkan fakta tentang merancang matlamat; menghasilkan kertas kerja; membentuk jawatankuasa; melaksanakan mesyuarat jawatankuasa; menentukan tarikh, tempat dan masa; merancang perbelanjaan; menghasilkan pelbagai alternatif; menilai keberkesanan alternatif; dan sebagainya. Huraian dan contoh hendaklah berkisar tentang pertandingan deklamasi sajak peringkat sekolah. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

BAHAGIAN C: *Multimedia dalam Sastera*

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan fungsi papan cerita dalam menghasilkan persembahan multimedia interaktif yang menggunakan genre sastera. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep papan cerita. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baiknya. Didapati calon mengemukakan prinsip asas multimedia dalam sastera, seperti teks, grafik, audio-visual, dan animasi sedangkan kehendak soalan menjurus kepada fungsi papan cerita dalam menghasilkan persembahan multimedia. Hal ini menjelaskan markah yang diperoleh mereka. Calon juga tidak dapat menulis contoh karya sastera yang sesuai bagi setiap fakta dan kebanyakan contoh yang diberikan calon terlalu umum. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang dapat mengemukakan fakta dengan baiknya. Calon sepatutnya mengemukakan konsep papan cerita dan isi penting yang akan dijelaskan pada pendahuluan. Pada bahagian isi, calon sepatutnya menjelaskan fungsi papan cerita sebagai panduan menentukan bahan sastera, teknik, keperluan, dan kos; menghasilkan multimedia yang sesuai mengikut jalan cerita; memilih elemen teks, grafik, audio-visual, animasi, dan deskripsi; mengenal pasti masalah dalam pemindahan teks kepada multimedia; dan sebagainya. Akhir sekali, calon hendaklah mengemukakan penutup bagi keseluruhan jawapan.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan lima bingkai papan cerita berdasarkan prinsip asas multimedia dengan merujuk kepada petikan dalam teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep papan cerita. Kebanyakan calon dapat menghasilkan lima bingkai papan cerita. Didapati papan cerita yang dihasilkan calon lengkap dengan elemen multimedia, iaitu teks, grafik, audio-visual, dan animasi. Setiap elemen tersebut turut diberi penjelasan tentang aspek ‘apa’, ‘bagaimana’, dan ‘mengapa’. Elemen sastera juga digarap dengan baiknya oleh calon dalam papan cerita. Walau bagaimanapun, didapati ada calon yang tidak melakar bingkai papan cerita mengikut format dan kriteria yang ditetapkan. Ada calon yang menghasilkan sekurang-kurangnya dua atau tiga daripada lima bingkai papan cerita. Ada juga calon yang mengabaikan elemen sastera dalam papan cerita. Calon sepatutnya membuat lakaran papan cerita yang mengandungi elemen multimedia. Calon juga sepatutnya menjelaskan aspek ‘apa’, ‘bagaimana’, dan ‘mengapa’ bagi setiap elemen multimedia. Setiap penjelasan terhadap aspek tersebut, calon sepatutnya mengaitkannya dengan elemen sastera. Bagi aspek deskripsi pula, calon sepatutnya mengemukakan huraian ringkas berkaitan dengan peristiwa yang tertentu atau terpilih berdasarkan petikan.

Laporan *Peperiksaan* **STPM 2018**



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com e-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
e-mel: ppa@mpm.edu.my

ISBN 978-983-77-1297-3

9 789837 712973